

~~273~~  
~~41/79~~

UCAPAN YAB PEMANGKU PERDANA MENTERI,  
DATUK HUSSEIN ONN, SEMASA MERESMIKAN  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN M.A.Y.C.  
PADA 6HB APRIL, 1974 DI KOLEJ KELIMA,  
UNIVERSITI MALAYA PADA JAM 9.30 PAGI.

Y.B. Datuk Ali, Menteri Kebudayaan,  
Belia, dan Sukan,  
Yang di Pertua M.A.Y.C., ...  
Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja M.A.Y.C.,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

1. ... Saya sangat berbesar hati  
kepada diberi penghormatan untuk  
meresmikan Mesyuarat Agung Tahunan  
M.A.Y.C. yang ke-20 pada pagi ini.  
*Ini ialah*  
~~Saya sukacita kerana inilah~~ pertamakali  
*mendapat peluang berjumpa*  
saya ~~berhadapan~~ dengan gulungan belia  
yang merupakan tenaga penggerak dalam

negara kita sekarang. ~~Di atas penghormatan yang diberikan itu saya mengucapkan terimakasih.~~

2. .. Dari ucapan dan ikrar yang telah diberikan oleh ahli M.A.Y.C. tadi, <sup>ternyata</sup> ~~saya~~ <sup>bahwa</sup> ~~penoh bangga kerana belia-belia, didalam negeri ini, khasnya yang terlingkong .. didalam M.A.Y.C., telah membulatkan fikiran dan keazaman untuk membantu dan menjalankan usaha, sesuai dengan dasar kerajaan.~~

Sasungguhnya, inilah satu perkara yang sangat membanggakan kita, kerana didalam zaman yang membangun seperti ini, tenaga belia patutlah dibulatkan dan diarah kepada

cita-cita yang konstruktif, untuk membina  
negara. Dari rekod aktiviti-aktiviti  
~~M.A.Y.C.~~ dimasa yang lepas, ~~saya sukacita~~  
~~mendapati M.A.Y.C. ini~~ telah dapat ..  
memenuhi tujuan organisasinya, dari  
masa kesemasa, iaitu menyatukan  
kalangan-kalangan belia kedalam kelab  
dan kemudian menggabungkan kedalam sebuah  
gabungan yang terbesar. Dimasa beberapa  
tahun kebelakangan ini, M.A.Y.C. telah  
menumpukan aktivitinya terhadap bidang  
ekonomi. Lapangan ini sangatlah sesuai  
dengan perkembangan <sup>negara</sup> kita sekarang, terutamanya  
menggalkan belia untuk menjadi masyarakat  
perdagangan dan perindustrian.

3... .. Bangunan 'Wisma Belia' yang ~~tersebut~~ didirikan dengan usaha ~~keleah~~ <sup>MAYC</sup> ini adalah satu-satunya contoh bagaimana belia dapat memainkan peranan yang aktif dalam lapangan perdagangan dan perindustrian. ~~Saya sukacita juga kerana~~ Selain daripada Wisma Belia, yang telah didirikan itu, M.A.Y.C. telah menubuhkan Syarikat Nurharapan yang telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Perak, di Ipoh pada tahun lalu, dan saya <sup>mengucapkan tahniah</sup> bangga kerana Syarikat tersebut telahpun memulakan perniagaannya tiga bulan yang lepas. Disamping itu,, ~~saya mendapati bahawa~~ M.A.Y.C. telah <sup>juga</sup> menjalankan kursus perniagaan bagi ahli-ahlinya dalam bidang perniagaan

borong dan runcit. Seterusnya saya juga ~~eukacite~~ mendapat tahu <sup>bahwa</sup> yang M.A.Y.C. telah mengadakan kursus khas dalam bahagian pelajaran <sup>dan leadership</sup> ~~kepimpinan~~ didalam beberapa bidang. Adalah diharap dibawah pimpinan yang dinamis, ~~certa mementingkan kepentingan~~ organisasi itu, akan dapat bergerak dengan lebih cergas memandu ahli-ahli dalam berbagai lapisan, dimasa depan.

Saudara-saudara sekalian,

4. .. Banyak masaalah yang dihadapi negara khasnya mengenai belia, dimasa akhir ini. Salah satu darinya ialah meluasnya pengaruh dadah dikalangan belia-belia. .. Kita juga <sup>menghadapi</sup> ~~depati~~ pengaruh hippie dari barat telah mula meresap didalam jiwa segulungan

belia-belua kita. Kerajaan sentiasa  
 memberi perhatian kepada masalah ini,  
 kerana akibat<sup>nya</sup> dari pengaruh tersebut,  
 boleh mendatangkan bahaya yang besar  
 terhadap jiwa dan semangat belia kita.  
 Saya percaya M.A.Y.C. sendiri sedar  
 terhadap masalah yang dihadapi ini  
 dan <sup>saya</sup> berharap bahawa M.A.Y.C., bersama-sama  
 dengan badan-badan belia-belua lain, akan  
 turut <sup>berusaha supaya</sup> mendisiplinkan ahli-ahli <sup>nya</sup> ~~agar mereka~~  
 tidak tertarik dengan pengaruh-pengaruh  
 barat yang asing dari cara hidup dan  
 kebudayaan kita. Disamping itu, M.A.Y.C.  
 patut jugalah menjadikan sebagai satu  
rancangan bertindak untuk memerangi  
 gejala-gejala buruk, bukan sahaja dikalangan  
 ahli-ahli, tetapi juga dikalangan belia-belua

\*

lain, supaya belia-belie dinegara ini sentiasa berwaspada dan <sup>berpanda</sup> ~~patuh~~ kepada tata susila dan kebudayaan <sup>kita.</sup> ~~timur~~...

~~Mereka tidak sekali kali boleh terpengaruh dengan ancaman ini.~~

Saudara-saudara sekalian,

5... Negara kita mempunyai banyak pertubuhan-pertubuhan belia. Ada pertubuhan yang ahlinya terdiri dari belia satu kaum sahaja, dan ada yang membukakan keanggotaannya kepada belia multi-racial. Sungguhpun pertubuhan-pertubuhan ini mempunyai latarbelakang yang berlainan, tetapi objektifnya adalah untuk kebaikan masyarakat dan negara. Akan tetapi, semasa bergerak

dan mendapatkan kepercayaan belia, timbullah persaingan antara tokoh. Persaingan yang sehat dikalangan pertubuhan belia adalah sentiasa digalakkan, tetapi janganlah hendaknya menimbulkan pula pergeseran antara tokoh, yang boleh menjejaskan asas pergerakan belia ———

*this competition should not be allowed should not cut through the very foundation to undermine the very foundation of the youth movement of youth movement.*

Cara yang paling berkesan mengelakan pergeseran ini ialah, supaya tiap-tiap pemimpin belia, dari berbagai pertubuhan meletakkan kepentingan organisasi diatas kepentingan diri, meletakkan objektif pertubuhan diatas kepentingan diri dan lebih dari itu, janganlah menjadikan satu-satu pertubuhan ini

.. . . .  
 sebagai kepunyaan sendiri. Pergerakan  
 belia adalah kepunyaan ahlinya dan  
 sebarang tindakan patutlah dijalankan  
 secara kolektif.

.. . . .  
 6. Satu perkara yang penting sekarang..  
 ialah hubungan pertubuhan belia dengan Kerajaan.  
 Seperti yang saudara-saudara maklum,  
 Kerajaan yang <sup>ada sekarang</sup> ~~di pimpin oleh Tun Perdana Menteri~~  
<sup>ialah</sup> ~~adalah~~ Kerajaan yang dipilih <sup>oleh rakyat</sup> ~~dengan undi~~  
popular, serta mendapat mandat dari rakyat  
 untuk menjalankan sesuatu yang perfaedah ~~bagi rakyat.~~  
<sup>kerana bagi rakyat.</sup> ~~bagi kita semua.~~ Kerajaan memerlukan  
<sup>dan kerjasama</sup> sokongan dari setiap golongan, terutama  
 dalam langkah seperti mencegah inflasi,

menghapuskan pengaruh-pengaruh yang tidak sesuai dengan kebudayaan dan sebagainya. Tindakan seperti anti-sorok, kawalan harga ~~keatas~~ beras dan sebagainya, adalah sebahagian dari usaha untuk menjamin rakyat tidak dibebankan dengan kesulitan yang sengaja dijalankan oleh sebahagian kecil peniaga-peniaga.

Apa yang diharapkan ~~ialah~~ dalam masalah ini, <sup>ialah</sup> kepada kerajaan.

<sup>positif</sup> ~~gugungan~~ <sup>sokongan</sup> belia ~~hendaklah berdiri tegak~~

~~dibelakang kerajaan. Saya mahu supaya~~

~~belia tidak mengambil satu position: We are~~

~~the youth; you are the establishment:~~

~~Good policy - we remain silent; What we consider~~

~~wrong policy - we lash at government.~~

Dalam hemat saya sikap:

"The youth must oppose whatever the Government do" adalah

..11

satu sikap yang tidak bertanggung jawab.

Sungguhpun kadang-kala "communication gap"

diantara muda dan tua, letapi

" the young should not <sup>too</sup> ~~always~~ <sup>be impatient</sup> ~~to give~~

~~to give~~ to those who are older

than themselves the full benefits

of their inexperience " .

7. ... Saya boleh memahami akan sentimen seperti ini, tetapi konsep yang sebaik-baiknya sebagai rakyat negara yang sedang membangun <sup>dan</sup> yang mempunyai tanggungjawab, semua gulungan masyarakat — yang tua, yang muda, belia dan wanita patutlah melibatkan diri dengan segala tindakan untuk menuju objektif ... negara yang terbesar itu. ~~Patutlah saudara ingat bahawa maturity of youth movement is viewed from its willingness to be objective and to involve itself in any programme of national importance.~~

Saudara-saudara sekalian,

8. Saya tidaklah bertujuan untuk mengulas tentang kegiatan belia tetapi hanya sekadar hendak menyampaikan <sup>permandangan saya</sup> message yang diharap dapat diterima oleh ~~semua~~ golongan belia. Mengulang kata-kata yang pernah disebut oleh pemimpin<sup>2</sup> kita dimasa lepas, pertubuhan-pertubuhan belia hendaklah selalu berpandu kepada prinsip "action <sup>orientated</sup> oriented" dan bukan "issue <sup>orientated</sup> oriented". Kekuatan sesebuah pertubuhan belia dan pemimpinnya, adalah diukur disegi setakat mana ia dapat menimbulkan kesedaran kalangan ahli dalam aspek pembangunan, dan setakat mana pula ia dapat membuat jasa demi kepentingan negara kita.

9. Berbalik kepada M.A.Y.C. ini, saya inginlah mengucapkan tahniah atas kejayaannya dimasa lepas, dan berharap dengan pimpinan yang penuh dedikasi dari Encek Sanusi Junid dan kawan-kawannya, ia akan dapat bergerak dengan lebih maju lagi. Semoga usahanya memperbanyak bilangan belia peniaga, akan *dapat* *kehasilan yang besar.*  
berhasil besar.

10. Akhir kata, saya sukacita kerana, pertubuhan ini telah dapat bergerak menurut program tertentu, serta mencerminkan dengan tegas kegiatannya menurut dasar kerajaan.

*Saya* Berharaplah supaya M.A.Y.C. dapat menghasilkan sebilangan kadar-kadar belia yang sanggup memberi jasa, pada setiap masa.

11. Dengan harapan dan seruan ini, saya dengan sukacitanya membuka dengan resminya persidangan M.A.Y.C. yang ke-20 ini. Selamat bersidang.

Terima kasih.

Tugas yang terbesar, ialah menghadapi 'human problems', yang tidak mempunyai 'standard answers'. Kebijaksanaan sebagai Pentadbir, sebagai Ketua Kumpulan, sebagai Penasihat adalah sebahagian dari 'leadership quality' yang dipunyai oleh saudara-saudara. Sebagaimana disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Asri, Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas, kita terpaksa memberikan perhatian yang lebih besar kepada kegiatan ini. Negara kita tidak berkeupayaan mengimport bahan-bahan makanan secara berterusan dengan harga yang tinggi. Tambahan pula warganegara-warganegara kita hendaklah tidak bergantung kepada dan mengharap belas-kasihan



No Siri ..... 597  
No Penerimaan ..... 107/79